

TARIKH	24 / 06 / 2014	SEKSYEN	DALAM NEGERI
MUKA SURAT	23	RUANGAN	

Jemaah umrah Malaysia meninggal dunia dalam penerbangan

KUALA LUMPUR 23 Jun - Seorang jemaah umrah Malaysia meninggal dunia dalam pesawat Flynas milik Arab Saudi ketika dalam penerbangan pulang dari Jeddah ke Kuala Lumpur pagi tadi.

Ekoran kejadian itu, pesawat berkenaan terpaksa membuat pendaratan kecemasan di Colombo, Sri Lanka dan mengakibatkan penerbangan pulang ke Malaysia tertangguh selama 12 jam.

Pengarah Urusan Rayhar Travels Sdn. Bhd., Harun Ahmnu berkata, jemaah umrah syarikatnya itu dikenali sebagai Zaleha Salleh, 46, dari Kuala Berang, Terengganu dan disahkan meninggal sekitar pukul 8

pagi waktu Colombo akibat sesak nafas ketika berada dalam pesawat.

"Berikutkan kematian jemaah itu, penerbangan terpaksa berpatah batik dan mendarat di Colombo bagi memberi rawatan dan menguruskan jenazah Zaleha.

"Pihak kami telah menghubungi Konsulat Malaysia di Colombo dan Islamic Jemaah untuk pengurusan jenazah sehingga selesai sebelum dihantar pulang ke tanah air dalam masa empat hari lagi," katanya ketika dihubungi Bernama.

Harun berkata, pengurusan jenazah mengambil masa yang panjang kerana perlu mematuhi beberapa prosedur sesebuah negara apa-

bila berlaku kematian penumpang di dalam penerbangan dan kapal terbang harus mendarat di lapangan terbang berhampiran untuk pengeisan.

Beliau berkata, syarikatnya menanggung semua kos pengurusan jenazah sebelum diserahkan kepada waris.

Susulan kejadian itu, 350 penumpang termasuk 36 jemaah Rayhar Travels Sdn. Bhd. yang sepatutnya tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 10.30 pagi tadi, ditangguh sehingga 10.15 malam ini. Jemaah umrah berkenaan berlepas ke Tanah Suci sejak 13 Jun lepas.

Sementara itu, seorang jemaah

umrah ketika dihubungi Bernama, Rozaini Omar, 46, berkata, beliau mengenali arwah kerana menyertai jemaah umrah syarikat yang sama.

"Arwah dikatakan sesak nafas dalam pesawat dan diberi rawatan oleh seorang doktor dan seorang jururawat dalam kapal terbang dan sebaik mendarat di Colombo Zaleha disahkan meninggal dunia oleh pasukan perubatan negara itu," katanya.

Rozaini berkata, beliau bersama jemaah lain terpaksa berkumpul di Lapangan Terbang Antarabangsa Colombo sekitar 6.25 petang, waktu Malaysia bagi penerbangan pulang ke KLIA. - BERNAMA